



TEKS UCAPAN

**YB TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN
SEMPENA**

CERAMAH PERDANA BLUEPRINT MASYARAKAT

MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN (MTMZA)

3 FEBRUARI 2020 (AHAD) / 9.00 MALAM

Bismillahir rohmanirrohim.

Alhamdulillah Robbil 'Alamin. Wassolatu wassalamu 'ala Asrafil Ambiya' wal Mursalin.
Wa ala aalihi wa Sohbihi Ajma'in.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

- 1- Puji dan syukur dipanjatkan kehadiran Allah SWT, kerana dengan izin dan inayah-Nya jua, dapat kita berhimpun dan bersama menjayakan program “Ceramah Perdana Blueprint Masyarakat Sejahtera” yang bertempat di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya ini, sempena meraikan “Hari Wilayah Persekutuan 2020”.
- 2- Selawat dan Salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, juga ke atas ahli keluarga dan sahabat Baginda yang mulia serta sekalian ulama yang banyak berjasa.
- 3- Saya ingin mengucapkan selamat datang kepada hadirin sekalian, teristimewa buat para tetamu kehormat, khususnya Al-Fadhil Ust. Dr. Abdul Somad dari Pekan Baru, Riau, Indonesia. Mudah-mudahan himpunan kita ini mendapat rahmat dan keberkatan daripada Allah SWT.

- 4- Pada kesempatan ini, saya dengan besar hati ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penganjur utama, iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Perbadanan Putrajaya Kerjasama Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya serta Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya atas inisiatif penganjuran program ini.
- 5- Program ini juga bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim dan perpaduan sesama kaum Muslimin serta menyediakan platform interaksi dan ramah mesra warga Wilayah Persekutuan bersama Al-Fadhil Ust. Dr. Abdul Somad.
- 6- Penganjuran Ceramah yang bertajuk “Pembangunan Masyarakat Sejahtera: Mencontohi Nabi SAW dalam membangunkan masyarakat sejahtera Mengikut Al-Quran dan Sunnah” juga mengetengahkan perkongsian dalam melahirkan sebuah masyarakat sejahtera yang seimbang dari segi fizikal dan spiritual seterusnya membentuk sistem kekeluargaan yang harmoni serta masyarakat yang madani. Matlamat ini juga bertepatan dengan pelan tindakan Blueprint Masyarakat Sejahtera Perbadanan Putrajaya untuk mendidik komuniti Putrajaya yang berilmu, bermutu dan juga berbudi.
- 7- Kita harus bersyukur ke hadrat Ilahi atas kurniaan nikmat-Nya yang tidak terhingga kepada kita, khususnya dalam soal keamanan dan kesejahteraan hidup, walaupun negara kita rakyatnya berbilang agama dan bangsa. Kita bertuah kerana tidak diuji seperti negara-negara Islam yang lain, yang sentiasa berjuang untuk merasai kehidupan yang lebih bahagia dan sentosa. Namun begitu, hakikat ini bukanlah bererti kita terlepas langsung daripada permasalahan dan tribulasi, lebih-lebih lagi sejak akhir-akhir ini, agama dan bangsa kita sering diuji dengan pelbagai isu dan cabaran dalam pelbagai bentuk.
- 8- Justeru itu, perpaduan dan penyatuan hati sesama kita amat perlu, terutamanya dalam usaha mendepani segala permasalahan yang berlaku. Kerjasama semua pihak, khasnya dalam kalangan ulama’ dan umarak serta pemimpin dan rakyat amat penting dalam mencari solusi dan penyelesaian yang terbaik demi agama, bangsa dan negara.
- 9- Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran program ini.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wa barakatuh.